

Peruntukan RM800j atasi masalah bah di Kelantan

Kerajaan memandang serius masalah banjir yang sering berlaku di Kelantan dan memperuntukkan RM800 juta bagi menyelesaikannya termasuk mendalamkan dua sungai di negeri berkenaan.

Bagaimanapun, selain peruntukan itu, Kerajaan Pusat berharap kerajaan negeri bekerjasama terutama memastikan pembalakan tidak berterusan bagi mengelak hakisan dan penurunan air serta tanah ke

sungai hingga mengakibatkan pelbagai langkah pencegahan banjir tidak berkesan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan memandang

serius masalah banjir yang sering berlaku di Kelantan termasuk di lembangan Sungai Golok.

“Berikutannya itu, Kerajaan Pusat meluluskan projek tebatan banjir fasa pertama bernilai RM300 juta di bawah Rancangan

Malaysia Ke-11 (RMK-11).

“Selain itu, kerajaan meluluskan projek pengorekan muara Sungai Kelantan dan pembinaan tambak berjumlah RM500 juta di bawah RMK sama,” katanya.

**“ Kerajaan
memandang
serius masalah
banjir
di Kelantan
Dr Ahmad Zahid ”**

